

TARIKH	20 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V8.V9	RUANGAN	SUPPLEMENT

# TH bantu bangunkan pendidikan

**T**abung Haji (TH) memberi perhatian khusus bagi membantu negara membangunkan sektor pendidikan selari dengan pembangunan umat Islam yang menjadi teras operasinya sejak sekian lama.

Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som, berkata sumbangan yang diberikan TH bukan saja kepada pelajar sekolah rendah dan menengah melalui seminar peperiksaan awam yang dianjurkan setiap tahun, malah pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) turut mendapat perhatian TH.

"TH melalui Kelab TaHa@U turut menganjurkan program bimbingan kerjaya bagi memberi pendedahan kepada pelajar yang bakal keluar ke pasaran kerja.

"Kami menganggap pelajar IPT cukup penting sebagai pelapis pembangunan negara dan perlu dibantu bagi membolehkan mereka membuat pilihan yang tepat ketika memilih pekerjaan," katanya.

Berucap dalam program Kerjaya TaHa@U dan Kejohanan Futsal dan Bola Jaring TaHa@U Zon Utara di Kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Kampus Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Saimi juga berkata, pembabitan pelajar dalam sukan cukup

penting bagi menyeimbangkan kehidupan mereka di kampus.

"Selain tumpuan kepada akademik, pelajar perlu membabitkan diri dalam sukan dan kegiatan kokurikulum lain untuk menjadi pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah.

"Ini penting bagi membolehkan mereka menerokai pasaran kerja yang semakin mencabar sekarang," katanya yang turut melancarkan Kelab TaHa@U UiTM Bukit Mertajam, membabitkan 10,000 pelajar universiti berkenaan.

Turut hadir sama, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM, Bukit Mertajam, Prof Madya Noor Awang Hamat; Pengarah Tabung TH Pulau Pinang, Rozimin Ahamed Kamil dan Pengurus Cawangan TH Kepala Batas, Mohd Radzi Taib.

Program dua hari itu membolehkan pelajar mengikuti program dan taklimat kerjaya yang dianjurkan, turut dianjurkan

forum kerjaya turut membabitkan bekas pelajar UiTM yang bekerja di Labuan, Shahridzal Ibrahim, Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan TH, Noorazmima Ismail; Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar dan Mohd Shah Fadzli Md Zain sebagai moderator.

“

**SELAIN TUMPUAN  
KEPADA  
AKADEMIK,  
PELAJAR PERLU  
MEMBABITKAN  
DIRI DALAM  
SUKAN DAN  
KEGIATAN  
KOKURIKULUM  
LAIN"**

**Mohammad Saimi  
Mat Som,**  
Pengurus Besar Khidmat  
Pelanggan TH

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	20 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18, 19	RUANGAN	SUPPLEMENT



**Mohammad Saimi** (dua dari kanan) melancarkan TaHa@U di UiTM, Bukit Mertajam, Pulau Pinang sambil diperhatikan Noor Awang (empat dari kanan)



Sebahagian daripada pelajar mendaftar untuk menjadi ahli Kelab TaHa@U.



Panel forum kerjaya bersempena dengan Program Bimbingan dan Pameran Kerjaya di UiTM, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

TARIKH	20 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V9	RUANGAN	VARSI TI



Pasukan KKKB muncul Johan Pertandingan Futsal anjuran Tabung Haji dan BH bersempena dengan Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U yang diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang.

[ FAIZAL GHAZALI / BH ]

## Juara dengan penalti

Pasukan futsal Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB) menampilkan persembahan bergaya dengan kemenangan pada peringkat kumpulan, suku akhir dan separuh akhir.

Namun, mereka terpaksa menghadapi tentangan sengit daripada Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kelantan, pada peringkat akhir dengan keputusan seri 2-2.

KKKB merangkul johan apabila mengungguli saingan penalti dengan jaringan 3-2 dalam Pertandingan Futsal antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) anjuran Kelab TaHa@U.

Pertandingan bersempena dengan program Bimbingan dan Pameran Kerjaya yang diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, baru-baru ini.

### Raih RM3,000

Pasukan KKKB yang dibarisi pelajar jurusan automotif dan pembuatan itu mengetepikan 32 pasukan lain dengan membawa pulang wang tunai RM3,000, piala, medal dan sijil.

Pasukan KPTM Kelantan muncul naib johan membawa pulang RM1,500, diikuti tempat ketiga dimenangai Pasukan UiTM Arau dengan membawa pulang RM750 berserta piala, medal dan sijil.

Lima pasukan menerima hadiah sagu hati iaitu AUCMS B, ISLAND A, UiTM Pulau Pinang A, UiTM Pulau Pinang B dan UiTM Pulau Pinang C masing-

masing membawa pulang RM300, medal dan sijil.

### Cemerlang dari awal

Ketua Pasukan KKKB, Mohd Faizal Mansor, 23, berkata walaupun menang dalam saingan penalti pada peringkat akhir pasukannya berpuas hati selepas memamerkan persembahan cemerlang daripada awal lagi.

Katanya, kemenangan itu menaikkan semangat pasukannya untuk terus bergiat aktif dalam sukan futsal yang sememangnya menjadi kegiatan kegemaran mereka.

"Kami berpuas hati dengan kemenangan ini selepas semua pemain beraksi dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh untuk memastikan pasukan kami muncul johan.

"Kemenangan ini akan menjadi semangat dan dorongan kepada pasukan kami untuk terus berusaha mengharumkan nama kolej dalam sukan futsal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampalan hadiah yang disempurnakan oleh Pengurus Besar Khidmat Pelanggan Tabung Haji (TH), Mohammad Saimi Mat Som.

Turut hadir sama Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar.

### Hargai ahli kelab

Sementara itu, Mohammad Saimi berkata, Pertandingan Futsal TaHa@U ialah

anjuran TH dan BH diadakan untuk memeriahkan lagi Program Bimbingan dan Pameran Kerjaya.

Katanya, program itu adalah penghargaan khusus kepada ahli Kelab TaHa@U dan mencungkil bakat sukan futsal dalam kalangan mereka.

"32 pasukan menyertai pertandingan kali ini membabitkan 11 IPT seluruh negara. Kita berharap aktiviti sihat seperti ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan lebih meriah," katanya.

**"KEMENANGAN INI AKAN MENJADI SEMANGAT DAN DORONGAN KEPADA PASUKAN KAMI UNTUK TERUS BERUSAHA MENGHARUMKAN NAMA KOLEJ DALAM SUKAN FUTSAL"**

Mohd Faizal Mansor,  
Ketua Pasukan KKKB